



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PEMIKIRAN REKA BENTUK KREATIF DALAM PROSES REKA
BENTUK PERABOT DI MALAYSIA BERDASARKAN PENDEKATAN
BIOMIMIKRI***

WAN NOOR FAAIZAH BINTI WAN OMAR

FRSB 2017 15



**PEMIKIRAN REKA BENTUK KREATIF DALAM PROSES REKA
BENTUK PERABOT DI MALAYSIA BERDASARKAN PENDEKATAN
BIOMIMIKRI**

Oleh

WAN NOOR FAAIZAH BINTI WAN OMAR

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Ogos 2017

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

PEMIKIRAN REKA BENTUK KREATIF DALAM PROSES REKA BENTUK PERABOT DI MALAYSIA BERDASARKAN PENDEKATAN BIOMIMIKRI

Oleh

WAN NOOR FAAIZAH BINTI WAN OMAR

Ogos 2017

Pengerusi : Profesor Hj. Khairul Aidil Azlin bin Abd Rahman, PhD
Fakulti : Rekabentuk dan Senibina

Penciptaan idea baharu adalah penting dalam banyak aspek pemikiran. Peningkatan dalam kaedah berfikir hari ini telah menghasilkan pelbagai proses reka bentuk baharu yang bermanfaat kepada perkembangan bidang pengetahuan. Kekuatan sesuatu reka bentuk adalah tertakluk kepada langkah-langkah yang diambil bagi menyelesaikan masalah dan menghasilkan sesuatu inovasi. Terdapat pelbagai pendekatan yang telah diterokai oleh pereka bentuk bagi tujuan melahirkan inovasi yang lebih berkesan. Penyelidik mengambil biomimikri sebagai pendekatan untuk fahami, iaitu dengan melihat beberapa faktor yang penting dan menjadi keperluan kepada pengurusan rekabentuk pada masa akan datang. Kepentingan penyelidikan ini adalah, memberi kefahaman secara sistematik dalam memahami penghasilan reka bentuk berdasarkan pendekatan biomimikri dengan menjadikan pemikiran pereka bentuk sebagai subjek. Kajian ini juga mengambil pereka perindustrian dan reka bentuk perabot sebagai bahan uji kaji, iaitu untuk memperolehi proses reka bentuk yang lebih sistematik. Untuk memahami tajuk dan kehendak kajian, penyelidik meneliti isu kefahaman pereka berkaitan biomimikri. Selain daripada itu penyelidik juga melihat isu-isu berkaitan permasalahan pelajar dalam mengadaptasi rekaan yang menjadikan alam semulajadi sebagai panduan dalam rekaan mereka. Namun begitu, kajian ini juga melihat isu-isu berkenaan keperluan kemahiran berfikir yang sentiasa menuntut pembaharuan dari masa ke semasa. Tiga aspek penting ini dilihat sebagai isu-isu yang penting dan perlu untuk diselesaikan dan juga diberi penambahbaikan. Keseluruhan isu-isu yang diketengahkan disokong dengan melihat kombinasi teori-teori dari keperluan semasa dan kehendak sosial. Manakala, pemikiran reka bentuk adalah pemikiran universal yang diguna pakai dalam pelbagai bidang ilmu pada masa kini. Pemikiran reka bentuk juga adalah satu cabang proses epistemologi bagi memahami cara pereka bentuk berfikir. Walaubagaimanapun, pemikiran reka bentuk pada kebiasaannya adalah dipengaruhi oleh kerja-kerja reka bentuk yang pratikal. Fokus penyelidikan ini

adalah untuk memperkembangkan ilmu pengetahuan dan pengalaman berkaitan proses reka bentuk yang menggunakan pendekatan biomimikri. Penyelidikan ini menggunakan beberapa kaedah dalam pengumpulan data dan analisa, antaranya adalah penggunaan kaedah KJ dalam menentukan kerangka konsep. Selain daripada itu juga penyelidikan ini memperkenalkan sistem tersendiri dengan menggunakan pendekatan penelitian kajian tindakan. Antara metod penting bagi tujuan analisa kajian, penyelidikan ini menggunakan metod campuran iaitu kuantitatif dan kualitatif sebagai tunjang utama penyelidikan ini. Manakala dari segi responden pula penyelidikan ini menggunakan 10 responden dalam kajian rintis dan 110 responden dalam kajian utama. Dalam proses pengumpulan data setiap aktiviti ada fungsi tersendiri dalam menentukan kaedah pengukuran data. Pengukuran data dalam kajian ini menggunakan beberapa perisian analisa seperti principle component analysis, analisis deskriptif dan analisis kluster dari perisian SPSS, untuk merealisasikan pengukuran data dalam penyelidikan ini. Dapatan kajian menunjukkan 4 domain utama dalam teras proses reka bentuk biomimikri adalah **Penghayatan, Emosi, Transformasi, dan Memaksimakan idea**. Berdasarkan pemahaman konsep dan teori satu model proses reka bentuk baharu biomimikri telah dihasilkan. Namun begitu, penghasilan model proses reka bentuk berasakan biomimikri ini dapat memberi manfaat kepada pengamal reka bentuk seperti, pelajar, pendidik dan juga organisasi.

Kata kunci: Pemikiran reka bentuk, biomimikri, proses reka bentuk

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the Degree of Doctor of Philosophy

CREATIVE DESIGN THINKING IN THE PROCESS OF FURNITURE DESIGN IN MALAYSIA BASED ON BIOMIMICRY APPROACH

By

WAN NOOR FAAIZAH BINTI WAN OMAR

August 2017

Chairman : Professor Hj. Khairul Aidil Azlin bin Abd Rahman, PhD
Faculty : Design and Architecture

The creation or formation of new ideas is very important in many aspects of thinking. This study also takes on industrial designers and furniture design as the experimental materials, in order to obtain a more systematic design process. The improvement in today's thinking method has resulted in various new design processes which are beneficial to the development of the knowledge fields. The power of a design is subjected to steps taken to solve problems and produce innovation. There are various approaches that have been explored by designers for the purpose of creating more effective innovation. The researchers take biomimicry as an approach to understand, that is, by looking at some of the important factors and will be a necessity towards managing designs in the future. The importance of this research is to provide systematic understanding in understanding the production of design based on biomimicry approaches by using the designer's thinking as a subject. To understand the subject and the needs of the study, the researcher examines the understanding of designers with regards to biomimicry-related issues. In addition, researchers also look at issues related to students in adapting designs that are using nature as a guide to their design. However, this study also discusses issues regarding the needs of thinking skills that requires for improvement from time to time. These three important aspects are seen as important issues and need to be resolved and also enhanced. The overall issues highlighted are supported by looking at the combination of theories of current needs and social needs. Meanwhile, design thinking is a universal way of thinking that can be applied in various fields of knowledge today. Design thinking is also a branch of the epistemological processes to understand the way designers think. However, design thinking is usually influenced by the practical design work. The focus of this research is to develop knowledge and experience related to design processes through biomimicry approaches. This research uses several methods in its data collection and analysis, among which is the use of the KJ method in determining the conceptual framework. Apart from that, this research also introduces a separate system using the approach of action research. Among the key

methods for the purpose of this study analysis, the research uses a mixed method of quantitative and qualitative as the main support of this research. In terms of respondents, the research uses 10 respondents in the pilot study and 110 respondents for the main study. In the data collection processes each activity has its own function to determine the method of data measurement. The measurement of data in this study uses some analysis software such as principle component analysis, descriptive analysis and cluster analysis from SPSS software, to realize the measurement of data in this research. The findings show that the 4 main domains in the core of the biomimicry design process are Appreciation, Emotion, Transformation, and Maximizing ideas. Based on the understanding of the concept and theory a new biomimicry design process model has been produced. However, the production of design process model based on the biomimicry design process can benefit design practitioners such as students, educators and organizations.

Keywords: Design thinking, biomimicry, design process

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kepada Allah S.W.T dengan izin dan rahmatNya dapat saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Selawat dan salam kepada junjungan besar nabi Muhammad S.A.W dan serta sahabat baginda dan para tabiin.

Penghargaan ini juga saya tujukan kepada ibu tersayang Hajah Selasih bt Hashim iaitu orang yang paling istimewa dalam saya mengecapi kejayaan ini. Ibu adalah orang yang menjadi pemangkin segala semangat saya dalam kejayaan ini. Terima kasih ibu atas doa-doa untuk keberkatan saya sepanjang pengajian. Penghargaan ini juga tidak lupa kepada lapan adik beradik saya yang sentiasa memahami dan memberi sokongan yang terus menerus dalam kejayaan ini.

Paling utama ucapan penghargaan ini adalah kepada penyelia utama saya Profesor Dr. Hj. Khairul Aidil Azlin bin Abd Rahman atas bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang menyiapkan tesis ini. InsyaAllah segala ilmu yang dicurah akan dijadikan segala kebaikan untuk dunia dan akhirat. Tidak dilupai ucapan penghargaan ini kepada penyelia kedua dan ketiga iaitu Prof. Madya LAr. Dr. Suhardi Maulan dan Dr. Mohd Shahrizal Dolah kerana menjadi pelengkap kepada idea-idea yang bernas dan memudah segala urusan saya sepanjang pengajian.

Saya juga ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada sahabat-sahabat yang sentiasa berkongsi susah senang dalam merealisasikan perjuangan ini. Terima kasih atas perkongsian ilmu serta menjadi pencetus idea-idea dalam proses menyiapkan tesis ini iaitu kepada Dr. Haszlin Shahrudin, Dr. Mohammad Azroll Ahmad, Puan Hema Zulaika Hashim, Valerie Michael dan Fathiyah Ahmad@ Ahmad Jali. Syukur kerana dikurniakan sahabat-sahabat yang baik sepanjang perjuangan ini.

Akhir kata, saya ingin menyampaikan sekalung terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pembikinan tesis ini. Kesudian anda semua sangat saya hargai.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 26 Mei 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Wan Noor Faaizah binti Wan Omar bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Pemikiran Reka Bentuk Kreatif dalam Proses Reka Bentuk Perabot di Malaysia Berdasarkan Pendekatan Biomimikri” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Osman bin Mohd Tahir, PhD

Profesor Madya Lar.
Fakulti Rekabentuk dan Senibina
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Nangkula Utaberta, PhD

Profesor Madya Ir.
Fakulti Rekabentuk dan Senibina
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Ahmad Rizal bin Abd Rahman, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Rekabentuk dan Senibina
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Bambang Setia Budi, PhD

Pensyarah Kanan, Eng.
Institut Teknologi Bandung
Indonesia
(Pemeriksa Luar)



NOR AINI AB. SHUKOR, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 28 September 2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli - ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Hj. Khairul Aidil Azlin bin Abd Rahman, PhD

Profesor
Fakulti Rekabentuk dan Senibina
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Suhardi Maulan, PhD

Profesor Madya, LAr.
Fakulti Rekabentuk dan Senibina
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Mohd Shahrizal Dolah, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Rekabentuk dan Senibina
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, model pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fakrikasi data dalam tesis ini, dan intergriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah dihantar diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Wan Noor Faaizah Binti Wan Omar , GS44608

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipenuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : Profesor Dr. Hj. Khairul Aidil Azlin bin Abd Rahman

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Profesor Madya LAr. Dr. Suhardi Maulan

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Dr. Mohd Shahrizal Dolah

ISI KANDUNGAN

	Page
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI ILUSTRASI	xix

BAB

1	Pengenalan Kepada Penyelidikan	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar belakang kajian	2
1.3	Isu-isu berkaitan penyelidikan	3
1.4	Rumusan berkaitan isu kajian	9
1.5	Permasalahan kajian	10
1.6	Persoalan kajian	10
1.7	Objektif kajian	10
1.8	Skop kajian	10
1.9	Signifikan kajian	11
1.10	Kesimpulan	11
2	SOROTAN KAJIAN LEPAS	12
2.1	Pengenalan	12
2.2	Kemahiran berfikir	12
2.2.1	Kemahiran berfikir kreatif	14
2.2.2	Kemahiran berfikir analitikal	15
2.3	Pemikiran reka bentuk	16
2.4	Model pemikiran reka bentuk	18
2.4.1	Model pemikiran reka bentuk Tim brown dan Jocelyn Wyatt (2010)	18
2.4.2	Model pemikiran reka bentuk Grant Young (2010)	18
2.4.3	Model pemikiran reka bentuk Riverdale Country School dan IDEO (2011)	20
2.4.4	Model pemikiran reka bentuk menurut Steven J.Bell (2008)	21
2.4.5	Model pemikiran reka bentuk menurut Niger Cross (2011)	22
2.4.6	Model pemikiran reka bentuk menurut Idris Mootee (2013)	23
2.4.7	Model pemikiran reka bentuk menurut Filipus Priyo (2014)	25
2.5	Inspirasi produk daripada alam semulajadi	27
2.6	Reka bentuk alam semulajadi berdasarkan Islam	29

2.7	Apakah Biomimikri?	31
2.8	Senario biomimikri di luar negara dan di Malaysia	35
2.8.1	Penyelidikan reka bentuk seni bina	36
2.8.2	Penyelidikan kejuruteraan air	36
2.8.3	Penyelidikan ruang dan pengudaraan	36
2.8.4	Penyelidikan Robotik	37
2.8.5	Penyelidikan biomimikri optik	37
2.8.6	Penyelidikan bangunan berteknologi hijau	38
2.8.7	Penyelidikan memelihara alam sekitar di sekolah pengajian seni di Malaysia.	38
2.9	Kesimpulan terhadap senario biomimikri di Malaysia dan di Luar negara.	39
2.10	Biomimikri dan pembangunan lestari	39
2.11	Biomimikri dalam reka bentuk perindustrian	41
2.12	Pengurusan pengetahuan melalui proses reka bentuk	44
2.13	Proses reka bentuk dan perkembangan produk baharu	46
2.14	Atribut-atribut penting penyelidikan	50
2.15	Proses pemahaman dalam reka bentuk	50
2.16	Menentukan proses reka bentuk	51
2.17	Memahami prinsip	51
2.18	Fungsi gerak saran	52
2.19	Interaksi dalam reka bentuk	53
2.20	Menjana imaginasi dalam pembentukan idea	54
2.21	Peniruan reka bentuk alam semulajadi	55
2.22	Faedah intuisi terhadap pereka bentuk	55
2.23	Elemen-elemen kreativiti	56
2.24	Pemikiran empati	57
2.25	Perkongsian pengalaman	58
2.26	Faktor persekitaran dalam menghasilkan idea	59
2.27	Perkembangan idea	60
2.28	Pembentukan konsep	61
2.29	Ujian-ujian dalam perkembangan idea	62
2.30	Pembangunan kerangka teori untuk kaedah KJ	63
2.31	Kesimpulan	65
3	METODOLOGI KAJIAN	67
3.1	Pengenalan	67
3.2	Reka bentuk penyelidikan	68
3.3	Fasa pertama: Kajian literatur	70
3.4	Fasa Kedua: Pembentukan kerangka konsep melalui Kaedah KJ	70
3.4.1	Fasa pertama	72
3.4.2	Fasa kedua	74
3.4.3	Fasa ketiga	74
3.4.4	Proses mengekstrak kata kunci	76
3.4.5	Penentuan kerangka konsep	79
3.5	Fasa ketiga: Pengumpulan data	84
3.5.1	Kajian rintis	84
3.6	Fasa Keempat: Perlaksanaan pengumpulan data utama	91

3.7	Kajian tindakan	99
3.8	Perbincangan terhadap kaedah KJ dan persampelan kajian	101
3.9	Kesimpulan	102
4	ANALISA DAPATAN KAJIAN	103
4.1	Pengenalan	103
4.2	Pengumpulan Data	104
4.3	Nilai kebolehpercayaan data kajian rintis	105
4.4	Dapatan ujian lakaran kajian rintis	107
4.5	Keputusan dapatan kaji selidik penyelidikan	108
4.6	Analisa data min terhadap atribut dalam pendekatan biomimikri	108
4.7	Analisa domain-domain data kajian utama	109
4.7.1	Pemahaman	109
4.7.2	Menentukan	110
4.7.3	Prinsip	111
4.7.4	Gerak Saran	112
4.7.5	Interaksi	113
4.7.6	Imaginasi	114
4.7.7	Peniruan	115
4.7.8	Intuisi	116
4.7.9	Kreativiti	117
4.7.10	Empati	118
4.7.11	Persekitaran	119
4.7.12	Pengalaman	120
4.7.13	Perkembangan	121
4.7.14	Konseptual	122
4.7.15	Ujian	123
4.8	Analisa statistik deskriptif	124
4.9	Validasi penyelidikan	133
4.10	Analisa Ujian Lakaran	134
4.10.1	Rumusan Terhadap Validasi Ujian Lakaran	138
4.11	Analisa kajian temubual	138
4.11.1	Data Temubual	139
4.11.2	Rumusan terhadap data temubual	182
4.12	Kesimpulan	183
5	PERBINCANGAN	184
5.1	Pengenalan	184
5.2	Proses Reka Bentuk	184
5.3	Proses Reka Bentuk Penghayatan	185
5.4	Proses Reka Bentuk Emosi	186
5.5	Proses Reka Bentuk Transformasi	186
5.6	Proses Reka Bentuk Memaksimumkan Idea	188
5.7	Model Reka Bentuk Biomimikri	188
5.8	Fungsi Model Kumpulan Pertama	190
5.8.1	Gabungan antara ‘pemahaman’ dan ‘penghayatan’ berfungsi sebagai ‘makna’	191
5.8.2	Gabungan antara ‘pemahaman’ dan ‘emosi’	192

	berfungsi sebagai ‘komunikasi’	
5.8.3	Gabungan antara ‘pemahaman’ dan ‘transformasi’ berfungsi sebagai ‘cetusan’	193
5.8.4	Gabungan antara ‘pemahaman’ dan ‘memaksimakan idea’ berfungsi sebagai ‘implementasi’	194
5.9	Fungsi Model Kumpulan Kedua	195
5.9.1	Gabungan antara ‘gerak saran’ dan ‘penghayatan’ berfungsi sebagai ‘kemungkinan’	195
5.9.2	Gabungan antara ‘gerak saran’ dan ‘emosi’ berfungsi sebagai ‘dimensi’	196
5.9.3	Gabungan antara ‘gerak saran’ dan ‘transformasi’ berfungsi sebagai ‘posisi’	197
5.9.4	Gabungan antara ‘gerak saran’ dan ‘memaksimakan idea’ berfungsi sebagai ‘berukuran’	197
5.10	Fungsi Model Kumpulan Ketiga	198
5.10.1	Gabungan antara ‘peniruan’ dan ‘penghayatan’ berfungsi sebagai ‘pemerhatian’	198
5.10.2	Gabungan antara ‘peniruan’ dan ‘emosi’ berfungsi sebagai ‘fungsi’	199
5.10.3	Gabungan antara ‘peniruan’ dan ‘transformasi’ berfungsi sebagai ‘evolusi’	200
5.10.4	Gabungan antara ‘peniruan’ dan ‘memaksimakan idea’ berfungsi sebagai ‘bentuk’	200
5.11	Fungsi Model Kumpulan Keempat	201
5.11.1	Gabungan antara ‘empati’ dan ‘penghayatan’ berfungsi sebagai ‘perseptif’	201
5.11.2	Gabungan antara ‘empati’ dan ‘emosi’ berfungsi sebagai ‘kombinasi’	202
5.11.3	Gabungan antara ‘empati’ dan ‘transformasi’ berfungsi sebagai ‘analisa’	203
5.11.4	Gabungan antara ‘empati’ dan ‘memaksimakan idea’ berfungsi sebagai ‘harmoni’	204
5.12	Fungsi Model Kumpulan Kelima	204
5.12.1	Gabungan antara ‘pekembangan’ dan ‘penghayatan’ berfungsi sebagai ‘Proses’	205
5.12.2	Gabungan antara ‘perkembangan’ dan ‘emosi’ berfungsi sebagai ‘perancangan’	206
5.12.3	Gabungan antara ‘perkembangan’ dan ‘transformasi’ berfungsi sebagai ‘estetika’	206
5.12.4	Gabungan antara ‘perkembangan’ dan ‘memaksimakan idea’ berfungsi sebagai ‘inovasi’	207
5.13	Pembangunan Kerangka Model Reka Betuk Biomimikri	208
5.14	Kesimpulan	208
5.15	Perbincangan model reka bentuk biomimikri	209
6	PENUTUP	213
6.1	Pengenalan	213
6.2	Huraian Terhadap Jawapan Persoalan Kajian	213
6.3	Sumbangan Ilmu Baharu	215

6.4	Cadangan Penyelidikan Masa Hadapan	216
6.5	Limitasi Kajian	217
6.6	Kesimpulan	217

RUJUKAN	218
LAMPIRAN	233
BIODATA PELAJAR	265
SENARAI PENERBITAN	266



SENARAI JADUAL

Jadual		Page
2.1	Mutjabar et al. (2015) Cerita Kekuasaan Allah SWT	30
3.1	Contoh hasil ekstrak kata kunci yang diguguskan dalam domain-domain takrifan dan pemahaman	77
3.2	Kata kunci utama kajian	78
3.3	Pembahagian kata kunci utama kepada fungsi domain	79
3.4	Fungsi kerangka konsep untuk kajian tidakan	82
3.5	Skor dan Pemingkatan Skala Likert	85
3.6	Aturan dan masa dalam pelaksanaan ujian rintis	91
3.7	Atucara aktiviti dan masa dalam pengumpulan data	96
4.1	Purata perolehan kajian rintis	105
4.2	Kajian rintis bagi ujian lakaran	107
4.3	Keputusan nilai kebolehpercayaan statistik “Cronbach's Alpha”	124
4.4	Descriptive Statistics	125
4.5	Rotated Component Matrix	128
5.1	Model Proses Reka Bentuk Biomimikri	189
5.2	Fungsi Model Kumpulan Pertama	190
5.3	Fungsi Model Kumpulan Kedua	195
5.4	Fungsi Model Kumpulan Ketiga	198
5.5	Fungsi Model Kumpulan Keempat	201
5.6	Fungsi Model Kumpulan Kelima	204

SENARAI RAJAH

Rajah	Page	
1.1	Cetusan idea penyelidikan	2
1.2	Responden kajian	3
1.3	Pemahaman biomimikri	4
1.4	Pengalaman reka bentuk	5
1.5	Peniruan alam semulajadi	5
1.6	Proses memulakan idea	6
1.7	Responden kajian	7
2.1	Ciri-ciri pemikiran kreatif menurut Sulaiman (2011)	15
2.2	Model pemikiran reka bentuk Brown dan Wyatt (2010)	18
2.3	Model pemikiran reka bentuk Young (2010)	19
2.4	Model pemikiran reka Riverdale Country School dan IDEO (2011)	20
2.5	Model pemikiran reka bentuk Steven J.Bell (2008)	21
2.6	Model pemikiran reka bentuk menurut Niger Cross (2011)	22
2.7	Model pemikiran reka bentuk Idris Mootee (2013)	23
2.8	Model pemikiran reka bentuk Filipus Priyo (2014)	26
2.9	Teras utama dalam pemahaman <i>biomimicry</i> Benyus (1998)	33
2.10	Teras utama dalam pemahaman <i>biomimicry</i> Hoyos (2010)	34
2.11	Teras utama dalam pemahaman pembangunan mampan	40
2.12	Kerangka konsep pengurusan pengetahuan menurut teori Edwards 2009.	45
2.13	Proses reka bentuk Ulrich dan Eppinger (2005)	47
2.14	Proses perkembangan produk baharu Ibrahim (2013)	47

2.15	Proses reka bentuk Elivio Bonillo (2010)	48
2.16	Proses reka bentuk Rodgers dan Milton (2011)	49
2.17	Fasa kreatif menurut Weisberg (2006)	57
2.18	Interpretasi KJ method menurut Scupin dan Omar	63
2.19	Kerangka Teori kaedah KJ	64
3.1	Reka bentuk penyelidikan	69
3.2	Kerangka konsep disumberkan oleh Rahman KAA (2003)	71
4.1	Graf pemahaman	109
4.2	Graf menentukan	110
4.3	Graf prinsip	111
4.4	Graf gerak saran	112
4.5	Graf interaksi	113
4.6	Graf imaginasi	114
4.7	Graf peniruan	115
4.8	Graf intuisi	116
4.9	Graf kreativiti	117
4.10	Graf empati	118
4.11	Graf persekitaran	119
4.12	Graf Pengalaman	120
4.13	Graf perkembangan	121
4.14	Graf konseptual	122
4.15	Graf ujian	123
4.16	Dendrogram using ward linkage	130
4.17	Plot putaran Varimax	132
4.18	Aturan pelaksanaan dalam ujian lakaran	134

4.19	Plot perbezaan skala sementik	135
5.1	Proses reka bentuk biomimikri	185
5.2	Bacaan Terperinci Model Proses Reka Bentuk	190
5.3	Model Reka Bentuk Biomimikri	208
5.4	Fasa-fasa pembangunan model reka bentuk biomimikri	209
6.1	Proses reka bentuk biomimikri	214



SENARAI ILUSTRASI

Ilustrasi	Page
1.1	Pengalaman sebagai tenaga pengajar dalam proses perundinga 8
1.2	Gambar dirakam penyelidik pada acara “ <i>industrial design world</i> ” 2013, Publika, Mont Kiara. 8
2.1	Kereta konsep yang dikenali sebagai <i>box fish</i> 42
2.2	Reka bentuk perabot yang dikenali sebagai <i>bone chair</i> 43
2.3	Botol air rekaan Carlos Rego 43
3.1	Permulaan sumbang saran 72
3.2	Contoh sumbang saran yang dijalankan secara berterusan 73
3.3	Contoh sumbang saran yang disusun dengan menggunakan perisian computer 73
3.4	Penyusunan kata kunci dalam kajian kepustakaan 74
3.5	Kumpulan pertama 75
3.6	Kumpulan kedua 75
3.7	Kumpulan ketiga 75
3.8	Antara contoh sesi perbincangan dalam menentukan kerangka konsep 78
3.9	Kerangka Konsep Kajian 80
3.10	Penyelidik memberi penerangan kepada responden dalam aktiviti kajian rintis. 85
3.11	Bunga raya (flora) 87
3.12	Labah-labah (fauna) 87
3.13	Tulang bahagian tangan manusia (manusia) 88
3.14	Sarang lebah (habitat) 88
3.15	Percikan air (atmosfera) 89

3.16	Aktiviti gerak saran 1	90
3.17	Aktiviti gerak saran 2	90
3.17	Contoh aktiviti gerak saran oleh kumpulan pelajar dalam kajian utama	93
3.18	Contoh aktiviti gerak saran oleh kumpulan pelajar dalam kajian utama	94
3.19	Aktiviti temu bual kumpulan pelajar	95
3.20	Kedudukan susunan didalam makmal formgiving	97
3.21	Situasi ujian lakaran	97
3.22	Situasi aktiviti sumbang saran	98
3.23	Situasi aktiviti gerak saran	98
3.24	Sesi penerangan oleh penyelidik	99
3.25	Sesi temu bual	99

BAB 1

Pengenalan Kepada Penyelidikan

1.1 Pengenalan

Ideologi pemikiran reka bentuk secara meluasnya digunakan dalam pelbagai bentuk lapangan kerjaya dan industri seperti perniagaan, pendidikan, kejuruteraan dan banyak lagi. Kebanyakan dari bidang ini menerapkan cara pemikiran reka bentuk melalui pendekatan yang berbeza. Menurut Hardt (2006), reka bentuk adalah proses kreatif yang mana ianya menggabungkan kualiti produk disamping mempertimbangkan nilai estetika. Reka bentuk juga diketahui sebagai proses yang melibatkan penyatuan antara teknologi, pemasaran, jualan, kitar semula dan pelupusan untuk mencipta keseimbangan diantara nilai-nilai komersial dan nilai-nilai estetika pada rekaan produk. Manakala proses pemikiran adalah satu proses minda yang terdapat di dalam diri seseorang. Hubungan antara reka bentuk dan pemikiran adalah gaya berfikir pereka yang mampu mengubah cara pendekatan apabila imaginasi untuk mereka cipta wujud yang membawa penyelesaian baharu untuk masa hadapan.

Sehubungan dengan itu penyelidikan ini mensasarkan biomimikri sebagai pendekatan dalam proses reka bentuk. Kajian biomimikri telah menjadi suatu isu yang diperkatakan apabila banyak penyelidikan telah berjaya menemui jalan penyelesaian dalam pelbagai bidang kerja. Fenomena ini telah mengalakkan corak pemikiran pereka bentuk yang berbeza-bebeza dalam mewujudkan penyelesaian yang bersesuaian dari semasa ke semasa.


Dalam penyelidikan ini, memahami proses pemikiran reka bentuk dalam pelaksanaan biomimikri adalah amat diperlukan. Selain itu, memahami konsep dan prinsip kaedah biomimikri juga bakal mencetus kepelbagaian idea dalam bidang rekaan di Malaysia khususnya. Menurut Kim et al., (2010), cara pemahaman ini akan membantu menghasilkan kreativiti dan kesan emosi untuk penyelesaian masalah melalui reka bentuk. Kepentingan memahami topik dan prinsip adalah asas permulaan cetusan berfikir bagi setiap pelaksanaan yang ingin dilaksanakan.

Dalam bidang rekaan terdapat pelbagai pecahan, antaranya bidang reka bentuk perindustrian, reka bentuk grafik dan digital media, seni logam, dan lain lain lagi. Namun begitu, dalam setiap bidang rekaan terdapat proses untuk merealisasikan sesuatu reka bentuk.

1.2 Latar belakang kajian

Pemikiran reka bentuk adalah epistemologi proses untuk memahami gaya fikir pereka bentuk. Pengetahuan gaya fikir reka bentuk akan membantu perkembangan sistem pengajaran dan pembelajaran dalam kursus reka bentuk. Selain itu, kemahiran tersebut berupaya meningkatkan kualiti, pengalaman, dan kemampuan dalam pendidikan khususnya reka bentuk. Penyelidikan ini adalah untuk mencari kaedah pemikiran baharu di dalam pendekatan biomimikri. Antara pencetus penyelidikan ini adalah motivasi berdasarkan pengalaman apabila terlibat dalam process pengajaran dan pembelajaran. Selain itu juga penglibatan dalam arena reka bentuk sebagai pereka mendorong penyelidik mengupas beberapa isu yang penting untuk kajian ini dan ianya menjadi motivasi untuk menjalankan penyelidikan ini.

Di peringkat awal kajian, penyelidik menggunakan inisiatif dengan melihat permasalahan melalui pengalaman lepas sebagai tenaga pengajar iaitu dalam proses perundingan dan proses reka bentuk sehinggalah proses prototaip dan penghasilan model. Penyelidikan ini dibentuk dengan tiga proses utama iaitu melalui pengalaman, pemerhatian dan kajian literatur.



Rajah 1.1 : Cetusan idea penyelidikan

Biomimikri adalah satu kaedah yang menginspirasi alam semulajadi sebagai garis panduan berdasarkan perkembangan teknologi mampan. Menurut Quinn (2011), paradigma baharu reka bentuk yang mampan telah membawa kepada peningkatan yang lebih luas, dimana ianya menggunakan bahan-bahan organik dan proses semulajadi. Usaha untuk mewujudkan semula sifat tidak secara semulajadi telah memberi inspirasi kepada pereka untuk mendalami ilmu biomimikri. Namun begitu, pereka bentuk harus bekerjasama dengan para ilmunan yang lain untuk mencipta produk yang berfungsi hibrid yang mengetengahkan pemikiran dari pelbagai bidang dan bidang reka bentuk.

Cetusan yang penting di dalam penyelidikan ini adalah bagaimana pemikiran reka bentuk berlandaskan biomimikri ini boleh difahami oleh pereka-pereka bentuk dan juga pengamalinya terutama sekali berkaitan pendekatan dan fungsi-fungsinya.

Penyelidikan ini bertujuan mencari ciri-ciri khusus proses reka bentuk dengan menerapkan unsur biomimikri sebagai pendekatan. Kajian ini menggunakan pemahaman dari teori-teori yang sedia ada dan baharu untuk mengembangkan ciri-ciri khusus yang sesuai untuk diaplikasikan bagi penyelidikan ini. Hasil daripada pemahaman tersebut ianya akan menstrukturkan fungsi kaedah kajian untuk penyelidikan ini.

Penyelidikan ini mengetengahkan pembangunan kerangka konsep sebagai fungsi penyelidikan. Selain daripada itu juga kajian ini memberi tumpuan kepada pencarian pengkhususan ilmu baharu dalam bidang reka bentuk iaitu dengan mengkaji pemikiran pereka bentuk dari bidang reka bentuk industri. Perihal kajian ini juga dilihat dari aspek isu-isu yang berkaitan pemahaman pereka secara umum terhadap biomimikri, pelaksanaan dan cara berfikir pereka bentuk dalam merealisasikan reka bentuk inspirasi alam semulajadi.


1.3 Isu-isu berkaitan penyelidikan

Isu yang diketengahkan dalam perihal pertama penyelidikan ini adalah pemahaman biomimikri secara umum oleh pereka bentuk industri. Sebanyak 50 orang responden dari latar belakang reka bentuk dipilih bagi menjawab lima soalan yang penting bagi isu-isu pemahaman biomimikri.

Isu dan analisa ini telah dibentangkan pada kolokium siri kedua di Universiti Malaysia Sarawak pada 9 Julai 2014. Antara isu-isu yang dibangkitkan ialah:

a)


JANTINA



Rajah 1.2 : Responden kajian

Daripada 50 responden 23 adalah terdiri daripada perempuan dan 27 adalah lelaki. Masing-masing responden adalah terdiri daripada pereka bentuk perindustrian iaitu pelajar dan profesional. Justifikasi daripada pemilihan responden ini adalah kerana penyelidikan ini bakal mengetengahkan pemikiran pereka bentuk perindustrian sebagai bahan kajian.


b) **Anda tahu apa itu Biomimikri?**



Rajah 1.3 : Pemahaman biomimikri

Soalan penting dalam isu pertama dalam penyelidikan ini ialah pemahaman berkaitan pemahaman tentang terminologi biomimikri itu sendiri, sebanyak 77.5% tidak memahami istilah biomimikri dan 22.5% daripada responden memahami istilah biomimikri. Justifikasi berkaitan soalan ini ialah untuk memahami pendekatan biomimikri dalam pemikiran reka bentuk. Perkara asas adalah memahami istilah dan fungsi berkaitan perkara yang ingin menjadi subjek kajian.


- c) **Adakah anda mempunyai pengalaman menjalani reka bentuk inspirasi dari alam semulajadi?**



Rajah 1.4 : Pengalaman reka bentuk

Sebanyak 50% daripada responden pernah menjadikan inspirasi alam semulajadi sebagai bahan kajian dalam penyelesaian masalah reka bentuk. 50% lagi tidak pernah menjadikan alam semulajadi sebagai pendekatan dalam pemikiran reka bentuk. Justifikasi soalan ini berkaitan isu yang diketengahkan adalah, menurut Pauw et al., (2012), dalam praktis reka bentuk strategik, reka bentuk diinspirasi daripada alam semulajadi, prosesnya boleh digunakan apabila membangunkan produk berasaskan lestari. Namun begitu pengetahuan tentang perihal tersebut sebenarnya masih kurang untuk membantu pereka bentuk.


- d) **Pada pendapat anda, adakah peniruan dari alam semulajadi dalam rekaan akan menyelesaikan masalah reka bentuk?**



Rajah 1.5 : Peniruan alam semulajadi

Susulan daripada persoalan berkaitan pengalaman dan kefahaman isu yang diketengahkan dalam penyelidikan ini adalah berkaitan pendekatan reka bentuk dalam peniruan dari alam semulajadi dalam penyelesaian masalah. Keputusan yang diperolehi tanpa memahami apa itu biomimikri seramai 77.5% responden bersetuju unsur-unsur alam semulajadi dapat menyelesaikan masalah dalam reka bentuk. Manakala 22.5% menyatakan tidak pada isu yang berkaitan.


e) **Bagaimanakah cara anda memulakan proses reka bentuk?**



Rajah 1.6 : Proses memulakan idea

Isu yang dibangkitkan dalam tinjauan ini seterusnya adalah, persoalan berkaitan dengan bagaimana pereka bentuk memulakan sesuatu idea dalam proses reka bentuk. 50% daripada responden telah menyatakan proses reka bentuk dimulakan dengan kaedah pencerapan. Manakala 25% menyatakan hasil daripada kajian, 10% daripada soal selidik, 7.5% bermula daripada lakaran, dan 2.5% dari analisis, pengalaman dan eksperimen.

f) **Apakah masalah yang dihadapi dalam mereka bentuk inspirasi alam semulajadi?**



Rajah 1.7 : Responden kajian

Seterusnya penyelidikan ini telah mempersoalkan isu berkaitan masalah yang dihadapi oleh pereka bentuk terutamanya pelajar dalam proses reka bentuk yang mengambil inspirasi dari alam semulajadi. Antara isu dan masalah yang dihadapi oleh pereka bentuk ialah mereka mentafsirkan reka bentuk dalam peniruan secara terus menerus. Tinjauan yang diperolehi sebanyak 40% daripada pereka iaitu menurut soal selidik ini menghadapi masalah tersebut. Manakala perkara yang berbangkit lain adalah permasalahan terhadap bahan kajian iaitu 25%. Perkara seterusnya ialah dalam permasalahan perkembangan idea sebanyak 20% dan selebihnya ialah masalah pemahaman dari sudut istilah atau maksud disebalik bahan yang ingin dikaji.

Berdasarkan soal selidik yang dilihat dari aspek pemahaman dari segi istilah itu sendiri kebanyakan pereka perlu merujuk berkaitan maknanya dan perlaksanaannya. Manakala menurut Mohd Nawi (2016), Secara jelas, biomimikri adalah pendekatan inovasi penyelesaian lestari kepada cabaran manusia dengan mencontohi corak, rupa bentuk dan strategi alam semulajadi. Secara lebih tepat, landskap taman dibina berinspirasi alam semulajadi. Walaubagaimanapun menurut beliau lagi secara umumnya konsep ini begitu asing dan jarang kedengaran dan hanya golongan tertentu seperti pakar landskap atau ahli akademik yang arif mengenainya.

Situasi peratusan paling tinggi dalam soal selidik ini diperkuatkan dengan 2 faktor iaitu berdasarkan pengalaman sebagai tenaga pengajar dan pemerhatian di pameran seni berkaitan perabot.



Ilustrasi 1.1 : Pengalaman sebagai tenaga pengajar dalam proses perundingan
(sumber: projek bersama pelajar untuk Pameran “Waste to Wealth furniture 2007” dianjurkan oleh Uitm)



Ilustrasi 1.2 : Gambar dirakam penyelidik pada acara “*industrial design world*” 2013, Publika, Mont Kiara

Permasalahan kajian dilihat dari sudut aspek pemerhatian dan pengalaman penyelidik sendiri dalam bidang rekaan dan sebagai tenaga pengajar dalam pelaksanaan projek yang bertajuk inspirasi alam semulajadi. Apa yang boleh diperkatakan oleh kebanyakan pereka, terutamanya pereka yang masih belum berpengalaman, kecenderungan meniru secara terus menerus objek yang dipilih sebagai subjek dalam reka bentuk. Perihal ini dibuktikan dari hasil tinjauan penyelidik ke satu pameran seni iaitu “Industrial Design World” pada tahun 2013. Juga hasil pengalaman sebagai tenaga pengajar yang menjadi perunding untuk beberapa projek yang berkaitan inspirasi alam semulajadi. Antaranya yang memberi impak dan cetusan dalam menjalani kajian ini ialah Pameran “Waste to Wealth Furniture 2007” yang dianjurkan oleh Universiti Teknologi MARA. Isu yang timbul

ketika menjalani projek ini ialah proses pemahaman terhadap perkembangan idea dan pembinaan struktur kerangka. Projek ini mendominasi labah-labah sebagai subjek reka kepada reka bentuk, permasalahan yang dihadapi pada ketika itu ialah pemahaman berkaitan aplikasi rupa bentuk labah-labah dan struktur ke dalam reka bentuk bersama material yang bakal digunakan. Pada pendapat saya sebagai pereka bersama dan orang yang bertanggungjawab dalam merealisasikan projek ini permasalahan yang dihadapi ialah proses mengadaptasi rupa bentuk dan fungsi labah-labah terhadap reka bentuk perabot tersebut.

Selain daripada itu kajian ini melihat kepada implementasi kemahiran berfikir aras tinggi di Malaysia. Kemahiran berfikir aras tinggi ini perlu diperluaskan dalam pelbagai bentuk pemikiran terutamanya pemikiran hibrid. Pengenalan kepada kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) oleh kerajaan Malaysia dalam sistem pembelajaran masa kini, adalah cetusan bagi penyelidikan ini untuk mengupas isu pemikiran reka bentuk berasaskan pendekatan biomimikri. Menurut Nagappan (2001), kemahiran berfikir aras tinggi telah diperkenalkan sejak tahun 1990 dalam sistem pembelajaran Malaysia. Namun begitu pelbagai kajian dijalankan dari semasa ke semasa untuk mempertingkatkan cara berfikir dengan lebih berkesan dan sistematik, antaranya model pemikiran yang melibatkan kolaborasi antara pelbagai disiplin. Secara rasionalnya kemahiran berfikir perlu dicetuskan dengan kolaborasi pelbagai bidang pada masa kini. Menurut Othman (2014), kerajaan secara khususnya mengusahakan rancangan atau program yang dikenali sebagai "Modal Insan Inovatif". Dimana ianya berkaitan dengan proses pendidikan yang melibatkan keusahawanan, inovasi, dan kolaborasi. Isu ini juga dilihat dari sudut Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), dimana dalam EPP 9 penekanan terhadap isu berkaitan kerjasama interdisiplin dikalangan penyelidik, industri dan pelabur di dalam sistem pendidikan negara masih lagi berkurangan. Namun begitu penyelidikan ini adalah melihat kolaborasi sains dan seni dalam satu masa dan model pemikiran biomimikri ini akan mengukur dan menganalisa pemikiran pereka untuk keberhasilan yang berkesan dan bermanfaat dalam bidang rekaan yang menggunakan persekitaran serta alam semulajadi Malaysia.

1.4 Rumusan berkaitan isu kajian

Terdapat tiga justifikasi dalam isu kajian ini, pertama pemahaman biomimikri dikalangan pereka yang dicetus melalui soal selidik pada permulaan kajian. Berdasarkan pelaksanaan analisa, penyelidik berpendapat untuk memberi pemahaman dalam penyelidikan ini perkara yang perlu difahami adalah pendekatan yang sesuai bagi biomimikri menurut kajian ini dalam mereka bentuk.

Manakala justifikasi kedua dalam isu kajian ini ialah kecenderungan pereka meniru secara terus menerus tanpa analisa yang sistematik berkaitan pendekatan biomimikri. Oleh itu kajian ini akan menentukan proses pemikiran biomimikri berdasarkan persampelan yang dipilih. Pada peringkat seterusnya berdasarkan keperluan proses pemikiran yang perlu dipertingkat dari semasa ke semasa kajian ini akan mengkaji

apakah keberhasilan yang sesuai selaras dengan dapatan kajian yang bakal diperolehi.

